

TARIKH : 12 FEBUARI 2016

AKHBAR : HARIAN METRO

M/S : 3

TAJUK : [PORT DICKSON]  
MERCU BANDAR PERANGINAN

■ Pembinaan menara dimulakan pada Jun 2014 dengan kos RM364,000

«DARI MUKA I

Katanya, bagi golongan muda, mereka kurang mengetahui menyebabkan pihaknya memutuskan membina semula menara itu untuk mengimbau sejarah kemerdekaan negara.

"Menara Jam dianggap simbolik pemerintahan British sekitar 1950-an dan ia sinonim dengan penduduk ketika itu.

"Namun ia dirobohkan lebih 25 tahun lalu bagi kerja pembesaran bandar dan menaik taraf pekan ini," katanya.

Menurutnya, pada awal 2014 pihaknya menerima cadangan penduduk supaya menara itu dibina semula kerana memabitkan nostalgia dan sejarah negara.

"Disebabkan itu, kami

# Mercu bandar peranginan

FOTO: KHAIRUL NAJIB ASARULAH KHAN



DAYA tarikan Menara Jam di bulatan pekan Port Dickson.

(MPPD) bersetuju membina menara ini pada Jun 2014 dengan kos RM364,000.

"Menara setinggi 10 meter ini direka dengan lebih moden dan terletak di Pekan Port Dickson. Ia kini dijadikan mercu tanda daerah ini," katanya.

Beliau berkata, tujuan pembinaan menara tidak lain untuk mengingatkan penduduk mengenai pentingnya menghargai masa.

"Menara jam ini pasti dapat dilihat sesiapa yang melalui pekan ini dan ia berbunyi pada setiap jam," katanya.

Ab Khalid berkata, selain menara itu, wujud satu lagi mercu tanda berbentuk kapal di daerah ini iaitu di Bulatan Bandar Sunggala, di sini.

"Mercu tanda ini dibina dengan kos RM294,000 pada 2009.

"Ia dianggap bersesuaian dengan daerah ini yang diakui sebagai destinasi pelancongan," katanya.

JABATAN PERHUBUNGAN AWAM